



قجابت دائره دان تانه منجونغ

PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG
KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH,
32040 SERI MANJUNG,
PERAK DARUL RIDZUAN.

No. Telefon : 05-6982000
No. Fax : 05-6982050
Laman Sesawang : <http://pdtmanjung.perak.gov.my>

Ruj. Tuan : 00095420/2019/B3
Ruj. Kami : PTPK/02/A/PPJ/2025/7
Tarikh : 26 Ogos 2025



PENGURUS
LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM
PERBENDAHARAAN MALAYSIA
NO.9 KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PERSIARAN PERDANA PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

SYED ZAILAN BIN SAYD IBRAHIM
NO. 39 JALAN LEKIR BAIDURI 2
TAMAN LEKIR BAIDURI
BATU 10 LEKIR
32000 SITIAWAN
PERAK

Tuan,

NOTIS LELONGAN KALI KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 263, KANUN TANAH NEGARA 1965 (KTN) KE ATAS TANAH NOMBOR HAKMILIK GERAN MUKIM 3283 LOT 55357 MUKIM LEKIR, MANJUNG

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada Perintah Jualan Atas Permintaan Pemegang Gadaian (Borang 16H) bertarikh 13 Mei 2025 dan lelongan awam di bawah Seksyen 265(2) KTN yang diadakan di pejabat ini pada 20 Ogos 2025, jam 10:00 pagi ke atas hartanah seperti yang tersebut di atas.

2. Di dalam jualan tersebut, tiada tawaran yang diterima pada atau melebihi harga rizab yang terendah. Oleh itu, Pentadbir Tanah melalui peruntukan Seksyen 265(2) KTN memerintahkan penjualan secara lelongan awam berikutnya.

3. Penjualan secara Lelongan Awam kali kedua bagi hartanah ini akan diadakan pada **hari Rabu, 08 Oktober 2025, jam 10:00 pagi bertempat di Perkarangan Lobi Pejabat, Pejabat Daerah Dan Tanah Manjung, Kompleks Pentadbiran Daerah, 32040, Seri Manjung, Perak, dengan harga rizab RM 234,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sahaja).**

4. Permohonan untuk menangguhkan jualan atau untuk membatalkan perintah jualan oleh pemegang gadaian dengan persetujuan penggadai hendaklah mematuhi peruntukan Seksyen 264A KTN dengan melengkapkan Borang 16O dan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah, tidak lewat daripada **tujuh (7) hari sebelum hari lelongan** dengan fi bayaran sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja).

Ruj. Tuan : 00095420/2019/B3
Ruj. Kami : PTPK/02/A/PPJ/2025/7
Tarikh : 26 Ogos 2025



5. Tuan boleh menghubungi pentadbir tanah untuk urusan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

PORTAL AWAM
e-TANAH PERAK



Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL HADI BIN MOHAMMAD SUHAIMI)
PEGAWAI TADBIR
b.p. Pentadbir Tanah
Pejabat Daerah dan Tanah Manjung

s.k. SYED ZAILAN BIN SAYD IBRAHIM
NO. 70
KAMPUNG PADANG UBI
LABU BESAR
09010 KULIM
KEDAH



PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA
ADHAM & ASSOCIATES
NO 18A JLN LAPANGAN TERBANG
OFF JALAN SULTAN NAZRIN SHAH
31350 IPOH
PERAK
(Ruj : AA/24/LPPSA/052)

AR DAFTAR

KANUN TANAH NEGARA

PERISYTIHARAN JUALAN PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN DALAM PERKARA SEKSYEN 263 KANUN TANAH NEGARA 1965 RUJUKAN FAIL: PTPK/02/A/PPJ/2025/7 (LELONGAN KEDUA)

Permintaan Oleh

LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM Pemegang Gadaian

Menurut Perintah Jualan atas permintaan Pemegang Gadaian oleh Pentadbir Tanah Manjung yang diperbuat pada 13 Mei 2025 dengan ini diisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Manjung

AKAN MENJUAL SECARA

LELONGAN AWAM

PADA HARI RABU BERTARIKH 08/10/2025 JAM 10:00 PAGI
DI PERKARANGAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH MANJUNG

NOTA: Bakal-bakal pembida adalah dinasihatkan agar membuat carian rasmi di Pejabat Tanah dan memeriksa hartanah tersebut sebelum jualan lelong. Bakal-bakal pembida juga digalakkan membuat permohonan atas talian melalui Portal Awam Sistem eTanah di <https://ptg.perak.gov.my/portal/>.

BUTIR-BUTIR HARTANAH

Jenis dan Nombor Hakmilik	GM 3283
No. Lot/PT	Lot 55357
Bandar/Pekan/Mukim	Mukim Lekir
Keluasan Tanah	130 Meter Persegi
Tempoh Pegangan	Selama-lamanya
Cukai Tanah	RM50
Kategori	Bangunan
Syarat Nyata	Kediaman - Sebuah Rumah Kediaman
Sekatan Kepentingan	TIADA
Kawasan Rizab Melayu	Rizab Melayu Lekir
Bebanan	Digadaikan kepada LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM mengikut No. Perserahan 02SC2746/2019. Didaftarkan pada 19 Disember 2019.
Lokasi Hartanah	NO. 39, JALAN LEKIR BAIDURI 2, TAMAN LEKIR BAIDURI, BATU 10 LEKIR, 32000 SITIAWAN, PERAK

HARGA RIZAB: RM 234,000.00 (Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tiga Puluh Empat Ribu Sahaja)

Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

1. Penawar memiliki jumlah wang dalam bentuk bank draf di atas nama **LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM** yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga Rizab yang ditetapkan iaitu **RM 23,400.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Tiga Ribu Empat Ratus Sahaja)**
2. Amaun penuh harga jualan boleh dibayar oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian serta-merta selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah;
3. Di mana amaun penuh harga jualan yang tidak dibayar oleh penawar yang berjaya selepas tukul dijatuhkan oleh Pentadbir Tanah :-
 - i. maka jumlah wang yang dinyatakan di dalam perenggan (1) akan dilucuthak untuk membayar seluruh wang yang telah genap masa; dan
 - ii. baki deposit seperti tersebut di atas akan dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang kena dibayar kepada pemegang gadaian;
4. Baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh (120) hari daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh **05 Februari 2026** dan bahawa tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah dinyatakan;
5. Di mana harga belian sepenuhnya tidak dapat diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (4), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (3) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang dinyatakan di bawah seksyen 267 Kanun Tanah Negara 1965.
6. Penawar yang ingin mengambil bahagian dalam lelongan ini hendaklah terlebih dahulu mendaftar dan menyerahkan bank draf sebagai bayaran deposit seperti yang dinyatakan dalam para 1 tiga puluh (30) minit sebelum masa lelongan. Mana-mana penawar yang gagal mendaftar dan menyerahkan bank draf tidak layak mengambil bahagian dalam lelongan ini.
7. Bagi hakmilik tanah pegangan melayu, orang melayu atau badan-badan yang didefinisikan sebagai melayu di dalam enakmen rizab melayu sahaja yang dibenarkan untuk mengambil bahagian dan menawar dalam proses lelongan tersebut.



Bertarikh pada 25 Ogos, 2025

**Pentadbir Tanah
Daerah Manjung
Negeri Perak Darul Ridzuan**